

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MAS ERMIEYATI BINTI SAMSUDIN  
[ MASJID TANAH – BN ]**

**TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN (NO. 47)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil bagi menggalakkan budaya bersukan di kalangan rakyat terutamanya ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara sukan (*sporting nation*) menjelang tahun 2020.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlaksanaan program di bawah Kementerian Belia dan Sukan adalah berlandaskan Pelan Strategik KBS 2010-2015 di bawah Teras Strategik ketiga iaitu Pembudayaan Sukan Untuk Semua. Perancangan serta visi masa panjang dalam usaha melahirkan golongan belia dan masyarakat berbudaya sukan (*Sporting Nation*) adalah dengan menjadikan sukan sebagai salah satu platform ke arah pembangunan dan penyatuan masyarakat.
2. Oleh itu, KBS mengambil langkah dengan merancang, merangka dan melaksanakan beberapa program besar bagi menggalakkan budaya sukan di kalangan masyarakat. Program-program yang dilaksanakan meliputi program sukan kecergasan, sukan permotoran, sukan rekreasi dan pembangunan sukan OKU. Kementerian telah merancang, merangka dan melaksanakan pelbagai program sukan tidak kira sama ada di bandar mahu pun di luar bandar. Program yang dilaksanakan merangkumi penglibatan masyarakat secara holistik bermula di peringkat akar umbi ke arah menjadikan Malaysia sebuah Negara Bersukan (*Sporting Nation*) menjelang tahun 2020.

Sekian, terima kasih.